

17.3.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PBAPP AKAN TERUS LAKSANA TANGGUNGJAWAB TETAPI KAWASAN REKREASI AKAN DITUTUP

- **Semua kakitangan PBAPP akan bertugas demi memastikan bekalan air yang berterusan dari 18.3.2020 - 31.3.2020.**
- **Empangan Air Itam, Taman Rekreasi Bukit Dumbar dan Empangan Teluk Bahang akan ditutup untuk sementara waktu sebagai sokongan kepada inisiatif “jarak sosial”.**

PULAU PINANG, Selasa, 17.3.2020: Semua kakitangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan terus menjalankan tugas ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia, dari 18 hingga 31 Mac 2020.

Ini kerana bekalan air adalah perkhidmatan awam yang penting. Semua pemasangan bekalan air utama di Pulau Pinang akan terus dibuka dan beroperasi penuh, 24 jam 7 hari seminggu, untuk memenuhi semua keperluan bekalan air Pulau Pinang.

Keutamaan PBAPP adalah untuk memastikan bekalan air untuk semua penduduk di Pulau Pinang mencukupi bagi mengekalkan kebersihan diri yang baik. Kami mengutamakan perkhidmatan bekalan air kepada semua pengguna air domestik berdaftar dan premis perkhidmatan penting yang lain di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, kawasan rekreasi berikut yang diuruskan oleh PBAPP akan ditutup dalam tempoh 18.3.2020 – 31.3.2020:

- Empangan Air Itam
- Taman Rekreasi Bukit Dumbar
- Empangan Teluk Bahang

Kawasan rekreasi ini perlu ditutup buat sementara waktu untuk menyokong inisiatif “jarak sosial” yang dilaksanakan di seluruh negara bermula esok, untuk meminimumkan penyebaran COVID-19.

PBAPP berdiri teguh bersama negeri Pulau Pinang ketika keadaan memerlukan ini. Ketika melaksanakan tugas, kami juga komited sepenuhnya untuk membendung COVID-19, demi keselamatan awam.

Pengguna air yang memerlukan nasihat, sokongan atau bantuan digalakkan untuk menghubungi Pusat Panggilan PBAPP 24-jam (no tel: 04 255 8 255).

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my